

## BAB V

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.0 Kesimpulan

Kajian ini telah dapat mencungkil beberapa dapatan mengenai sejauh mana keberkesanan penggunaan bahan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah di antara Sekolah Menengah Bestari dengan Sekolah Menengah Biasa. Di samping itu beberapa cadangan akan diketengahkan untuk meningkatkan penggunaan bahan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta mempelbagaikan cara penyampaian mata pelajaran Sejarah.

Sebagaimana yang diketahui, proses pengajaran dan pembelajaran adalah berdasarkan kepada penggunaan perkataan dan nombor. Penggunaan teks sahaja dalam sesuatu penyampaian akan membataskan pemahaman pelajar terhadap sesuatu maklumat juga menyukarkan pelajar mamahami sesuatu maklumat atau topik tertentu. Jadi, kombinasi beberapa elemen multimedia dan CAI (teks dan grafik) akan menjadikan proses pembelajaran semakin menarik.

Dalam kajian ini didapati 88.0% sampel pelajar dari SMK Victoria dan SMK Yaakob Latif berminat untuk mempelajari mata pelajaran Sejarah. Sikap positif ini akan dikekalkan dan dipertingkatkan supaya dapat menjamin pencapaian pelajar-

pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. Walau pun sebahagian kecil (lebih kurang 12.0%) sahaja pelajar yang tidak berminat terhadap mata pelajaran ini, namun ia tidak akan dipandang ringan. Sikap negatif ini kalau tidak dibendung dan diperbaiki boleh meracuni dan mempengaruhi pemikiran pelajar-pelajar dan akhirnya akan menjelaskan pencapaian akademik mereka. Oleh itu usaha-usaha akan dipertimbangkan supaya semua pelajar berminat terhadap mata pelajaran tersebut.

Mengenai kemudahan komputer pula, didapati terdapat perbezaan yang ketara di antara SMK Victoria dengan SMK Yaakob Latif. Dapatan kajian ini menunjukkan 100.0% daripada sampel pelajar dari SMK Victoria menyatakan ada kemudahan bahan multimedia di sekolah mereka. Manakala 88.0% sampel lagi dari SMK Yaakob Latif menyatakan bahawa tiadak ada kemudahan bahan multimedia di sekolah mereka. Ini adalah kerana SMK Victoria merupakan Sekolah Bestari dan mesti ada kelengkapan tersebut berbanding dengan SMK Yaakob Latif yang cuma merupakan Sekolah Biasa yang masih belum menggunakan kemudahan-kemudahan itu dalam pengajaran dan pembelajaran.

Walaupun kita menghadapi cabaran pada setiap kali kita memperkenalkan sesuatu yang baru dalam bidang pendidikan, kita perlu sentiasa berusaha memperbaiki sistem kita supaya ia akan menjadi suatu proses yang berterusan dalam usaha mencapai hasrat Kementerian Pendidikan menjadi sekolah yang berinovatif sepenuhnya.

Berkenaan dengan pengajaran guru sejarah dengan menggunakan bahan multimedia, kajian ini mendapati hanya 28.0% sampel pelajar dari SMK Victoria dan 36.0% dari SMK Yaakob Latif yang berminat berbanding 72.0% dari SMK Victoria dan 64.0% dari SMK Yaakob Latif yang tidak berminat. Kajian ini mendapati tidak wujud perbezaan yang signifikan. Peratusan perbezaan yang berminat dan tidak berminat dari kedua-dua sekolah ini tidaklah begitu ketara. Keadaan ini tidak sepatutnya berlaku dan dibiarkan berterusan kerana ia akan menyebabkan kegagalan dalam mata pelajaran itu. Jadi, langkah-langkah akan diambil untuk memperbaiki kelemahan yang wujud supaya dapat menimbulkan minat di kalangan pelajar.

Mengenai minat untuk belajar dengan keputusan ujian bulanan sejarah didapati 25.0% sampel pelajar yang berminat untuk belajar mata pelajaran sejarah mendapat keputusan cemerlang berbanding 33.0% yang tidak berminat tetapi juga mendapat keputusan cemerlang. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan di antara minat dengan keputusan ujian bulanan sejarah.

Kajian ini juga mendapati 8.0% sampel guru dari kedua-dua sekolah bersetuju bahawa pengajaran mata pelajaran sejarah dengan menggunakan bahan multimedia adalah lebih berkesan daripada kaedah tradisional. Walau bagaimanapun masih terdapat 2.0% sampel guru yang tidak bersetuju bahawa pengajaran mata pelajaran sejarah dengan menggunakan bahan multimedia adalah lebih berkesan daripada kaedah tradisional. Oleh yang demikian guru-guru peringkat ini akan didedahkan dengan cara mempelbagaikan kaedah penyampaian mata pelajaran ini dengan

menggunakan lebih banyak bahan multimedia supaya semua guru menganggap ia sesuai dan berkesan.

Namun demikian kita hanya boleh membuat andaian tentang perubahan yang mungkin berlaku pada masa akan datang. Teknologi akan terus berkembang dan akan terus mengubah keadaan persekitaran sosiobudaya masyarakat dunia dalam melaksanakan sesuatu perkara dan akan membuka peluang yang luas kepada penerima dan rekacipta baru untuk memenuhi kehendak pengguna yang pelbagai. Kita sebagai pengguna teknologi terutamanya akan terus mempunyai peranan masing-masing ke arah menyediakan diri dengan kemahiran yang selengkapnya untuk menerima perubahan tersebut.

### 5.1 Cadangan

Demi untuk menjayakan senario penggunaan bahan multimedia di bilik darjah khususnya dan sekolah amnya, perubahan besar harus berlaku di peringkat Jabatan dan Kementerian. Setiap bahagian di Jabatan dan Kementerian haruslah mempunyai matlamat yang sama dan menyokong perlaksanaan penggunaan komputer dalam pendidikan supaya dapat menyelesaikan satu situasi yang diterangkan oleh Boyer, (1982) iaitu :

*The teaching profession is caught in a vicious cycle, spiraling downward. Reward are few, morale is low, the best teachers are bailing out and the supply of good recruits is drying up*

Memandangkan peranannya begitu penting dan kian mencabar, dengan ini adalah perlu Kementerian dan Jabatan Pendidikan mengkomputerkan sistem pendidikan.

Era teknologi maklumat bukan hanya melibatkan reformasi dan rombakan dalam sistem pendidikan, tetapi juga mengutamakan sikap dan bagaimana penerimaan masyarakat terhadap perubahan. Jika minat tidak disemai untuk turut serta dalam alam arus perubahan ini, perubahan dalam sistem pendidikan pun tidak akan berjaya. Atas dasar inilah kempen seperti Satu Komputer Satu Rumah diperkenalkan dan dilancarkan dengan bantuan media massa.

Pendidikan dalam era teknologi maklumat bukan harus dipelajari di sekolah, malah di rumah juga. Bagi golongan dewasa penerangan dan taklimat tentang bidang yang ada dalam teknologi maklumat seharusnya diperbanyakkan. Hal ini dapat memberikan gambaran dan kefahaman sebenar apa yang dimaksudkan dengan era ledakan teknologi maklumat ini. Ceramah dan penerangan boleh dilakukan . Buruk baiknya perkembangan ilmu dalam teknologi maklumat perlu diperjelaskan untuk membolehkan mereka mengetahui bagaimana menggunakan teknologi maklumat dengan sebaik-baiknya. Hal ini dapat memberikan gambaran sebenar tentang apa yang harus dipelajari atau sebaliknya dalam bidang ini.

Hasil dapatan kajian ini telah menjelaskan bahawa ada hubungan di antara penggunaan bahan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah tingkatan Satu antara Sekolah Menengah Bestari dengan Sekolah Menengah Biasa, tetapi hubungan tersebut tidak signifikan kerana faktor-faktor seperti sampel yang terlalu kecil, pelajar-pelajar yang dipilih hanyalah dari kelas-kelas yang terbaik sahaja dan Sekolah Bestari tersebut masih pada tahap awal penubuhannya dan masih lagi mengamalkan kaedah tradisional.

## **5.2 Kajian Lanjut**

Kajian susulan perlu dibuat dari masa kesama ke atas tajuk kajian ini kerana hasil dapatan kajian ini masih terdapat beberapa kekurangan yang tidak dapat dielakkan.

Oleh kerana kajian ini hanya melibatkan dua buah sekolah sahaja maka diharapkan kajian yang lebih luas dapat dilakukan oleh pengkaji-pengkaji meliputi sampel sekolah yang lebih banyak sampel responden yang lebih ramai supaya dapat menghasilkan dapatan yang lebih menyeluruh.